

UMS digesa tingkatan penyelidikan hasil makanan ikan

Oleh
SHARILFUDDIN SAARI

UM 31 MAR 2005

KOTA KINABALU 30 Mac — Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, institusi pengajian tinggi (IPT) khususnya Universiti Malaysia Sabah (UMS) perlu meningkatkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam penghasilan makanan ikan jika mahu memajukan industri akuakultur di negara ini.

Bekas Perdana Menteri berkata, ini kerana pada masa ini makanan ikan

yang diimport dari negara luar merupakan faktor utama kekangan dalam industri tersebut.

“UMS telah menunjukkan pencapaian baik dalam R&D akuakultur, tetapi jika kita dapat menghasilkan makanan ikan itu sendiri, saya rasa industri akuakultur negara akan menjadi lebih kompetitif dan berdaya saing,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa melawat Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) UMS di sini hari ini.

Dr. Mahathir yang merupakan pengasas UMS ketika ditanya pencapaian selama sedekad universiti itu berkata, secara keseluruhan, beliau berpuas hati terhadap kemajuannya khususnya dalam membantu rakyat Sabah.

Katanya, UMS telah menunjukkan pencapaian yang sangat memberangsangkan terutama di dalam bidang akuakultur.

“Saya amat berharap UMS akan dapat memberi lebih tumpuan dalam bidang ini (akuakultur) memandang ikan menjadi

sumber pendapatan utama Sabah,” katanya.

Beliau mengingatkan setiap hasil R&D yang dijalankan oleh UMS disampaikan kepada rakyat di negeri ini supaya dapat dimanfaatkan untuk meningkatkan tahap ekonomi penduduk.

“R&D yang berjaya tidak akan ke mana sekiranya tidak digunakan oleh penduduk. Ia perlu disebarikan kepada rakyat,” ujar beliau.